Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

# Pergeseran lemahkan kuasa UMNO

Oleh JAMALUDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Sabtu — Naib Presiden UMNO, Datuk Harun Haji Idris memberi amaran bahawa sistem politik negara sekarang akan runtuh jika perpecahan berlaku di kalangan UMNO.

Beliau menegaskan, ahli-ahli UMNO jangan lupa bahawa sebarang pergeseran atau rebutan dalam UMNO tanpa matlamat akan melemahkan parti.

"Kelemahan dalam UMNO akan memudahkan pihak musuh untuk meruntuhkan sistem politik yang kita nikmati sekarang.

"Kita tidak mahu perkara ini berlaku, kerana sebarang perubahan sistem politik sesebuah negara itu tidak bermakna mendatangkan kebaikan," tegas beliau di majlis kesyukuran di Kampung Kerinci di sini.

Bagaimanapun, pemimpin UMNO itu tidak menghalang sebarang perlumbaan atau pertandingan untuk merebut jawatan dalam parti, samada diperingkat Ketua Bahagian atau Pergerakan Pemuda UMNO.

Katanya, pertandingan membuat kita sedar atas kelemahan yang kita buat di samping memberi peluang kepada kita memperbaiki kesilapan itu.

"Saya yakin, perebutan dalam UMNO kerana kuasa memandangkan seseorang yang memegang jawatan dalam UMNO meskipun sebagai Ketua Cawangan akan mempunyai sedikit kuasa," jelas beliau.

Datuk Harun juga membidas ketua-ketua cawangan yang menolak seseorang itu menjadi ahli atau tidak menerima bayaran yuran ahli yang menentang mereka.

Katanya, perbuatan ini perlu dihentikan bagi mempastikan UMNO terus berkembang dan kukuh.

Beliau berkata, UMNO terbuka kepada semua golongan — samada hartawan, intelek, diplomat, buruh, pemuda atau wanita.

"UMNO dipunyai oleh semua golongan, tanpa dibeza-bezakan keturunan dan kedudukan sosio-eknomi mereka," tegasnya.

Beliau menegaskan, persaingan dalam parti adalah wajar jika ia dilakukan dengan betul dan berprinsip.

Katanya, dalam Barisan Nasional sendiri ada perlumbaan — antara MCA dan Gerakan dan UMNO pula dengan PAS.

Bagaimanapun, Datuk Harun berpendapat setakat ini rakyat tidak mempunyai pilihan lain, melainkan memilih parti Barisan Nasional.

Tetapi, katanya, Barisan Nasional pula mempunyai masalah kerana "terlalu panjang, hingga kepala tidak nampak ekor dan ekor tidak dapat kepala".

"Yang malangnya, kadangkala ekor memukul kepala pula," katanya, disambut dengan gelak ketawa.

Ketua Bahagian UMNO Damansara, Senator Abdul Razak Samah pula menggesa ahli-ahali ahli Bahagiannya supaya bersatupadu dalam pemilihan di peringkat cawangan-cawangan.